



Edisi 4 | 2025 | Bilangan 53 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



SEHARUM KASTURI ANGKAT WARISAN
BUDAYA DAN EKONOMI TEMPATAN KUALA KURAU



127 BELIA ASNAF TIMBA ILMU
DI AKADEMI BINAAN MALAYSIA DENGAN TAJAAN
PENUH MAIPK BERJUMLAH RM1.4 JUTA



MAIPK SANTUNI ASNAF DI MUALLIM
DAN ANGGOTA PASUKAN SIMPANAN PERSEKUTUAN
TERLIBAT KEMALANGAN DI IPOH

Sidang Redaksi

Edisi 4 | 2025 | Bil. 53

Wadah

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi
Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi
Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat
Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah	3 – 5
Semasa	6 – 14
Aktiviti MAIPK	15 – 18
Keratan Akhbar	19
Program Agihan Zakat Pemeriksaan Insan & Kolaborasi	20



TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
AL-MAGHFUR-LAH

**MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1447H
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

TARIKH: 1 MUHARRAM 1447H / 26 JUN 2025 (KHAMIS);
JAM: 9.00 MALAM
TEMPAT: CASUARINA@MERU, IPOH.

***"HIJRAH DAN KELESTARIAN : MENYATUKAN
UMMAH MEMULIHARA BUMI"***

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dari Mekah ke Madinah merupakan peristiwa amat bersejarah yang berjaya memancarkan keagungan syiar Islam. Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bukan suatu perjalanan biasa, sebaliknya perjalanan yang membawa kejayaan menemui cahaya, setelah manusia sekian lama terkurung dalam kegelapan syirik, bertuankan manusia dan kebendaan yang menyesatkan. Hijrah membebaskan minda ummah daripada belenggu kejahilan, membina kekuatan rohani, mengukuhkan keyakinan dan mengangkat martabat ummah menjadi insan kamil berteraskan prinsip-prinsip agama yang murni.

2. Negeri Perak Darul Ridzuan memilih 'HIJRAH DAN KELESTARIAN: MENYATUKAN UMMAH MEMULIHARA BUMI' sebagai tema

sambutan Maal Hijrah 1447. Tema tersebut dipilih atas kesedaran, bahawa bumi ini akan diwariskan kepada generasi baharu yang akan meneruskan kelangsungan hidup. Tema tersebut dipilih atas keinsafan bahawa bumi yang semakin tua ini sedang menunjukkan pelbagai tanda keuzuran, semakin kerap berlakunya bencana alam; gempa bumi, tanah runtuh, ketidaktentuan iklim, peningkatan suhu, kebakaran besar-besaran, banjir serta pelbagai musibah lain yang telah mengorbankan harta dan nyawa.

3. Dunia pada hari ini berhadapan fenomena alam yang mengalami pelbagai bencana sehingga mengancam kesejahteraan hidup dan kelestarian alam. Pertambahan bilangan serta kepadatan penduduk, penerokaan tanah dan penempatan baharu, pembinaan

prasarana, peningkatan kawasan bandar dan pengembangan aktiviti perindustrian, telah secara langsung memberi kesan terhadap alam. Fenomena yang sedang berlaku seharusnya mencetuskan kesedaran kepada pelbagai pihak untuk berganding bahu menangani krisis alam yang semakin membimbangkan. Islam sebagai agama yang syumul mementingkan perlindungan terhadap alam sekitar dan mentakrifkan usaha memulihara alam sekitar sebagai ibadah.

4. Memulihara alam sekitar adalah sebahagian daripada amanah Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala, murka terhadap orang yang melakukan kerosakan. Allah memerintahkan manusia akan pentingnya memulihara alam dan seisinya, kerana jika alam disakiti, dizalimi, dirosaki serta diancam, manusia sebenarnya telah melakukan fasad (ia-itu melakukan kerosakan, kebinasaan dan keburukan) terhadap makhluk ciptaan dan milik Illahi. Melanggar perintah dan melakukan perkara yang dilarang, mengundang amarah, disifatkan telah melakukan dosa menderhakai perintah Allah Azza Wajalla.

5. Sesungguhnya, Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam tidak sekadar mengajar ibadah ritual dalam agama. Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam menegaskan pentingnya memelihara alam dan menjaga hubungan baik dengan seluruh makhluk. Baginda mengingatkan bahawa manusia dan alam mempunyai hubungan yang erat, dan manusia akan menanggung musibah sekiranya alam dirosakkan. Menjaga alam merupakan suatu ibadah, lambang pengabdian seorang Muslim kepada Penciptanya, menandakan keseriusan seorang hamba membuktikan kepatuhan kepada segala perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

6. Bumi ini ialah tempat tinggal sementara yang dipinjamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia, sebelum manusia berpindah ke alam barzakh, atau apabila sampai ketentuan yang bumi ini akan hancur dan lenyap

ketika tibanya kiamat. Bumi ini juga ialah tempat tinggal dan keberadaan semua makhluk lain ciptaan dan milik Illahi, merangkumi haiwan, unggas, kehidupan laut dan sungai, tumbuh-tumbuhan, sumber alam dan pelbagai kehidupan lain, berkongsi berada di bumi yang sama. Pencabulan yang dilakukan terhadap mana-mana makhluk yang menyebabkan kemusnahan, kerosakan, pencemaran dan pembunuhan, akan membawa kepada ketidakseimbangan dan terganggunya proses kitaran hidup alam semula jadi. Apabila haiwan sudah mula berkeliaran menghampiri penempatan manusia, tandanya habitat mereka telah diganggu dan dicero bohi.

7. Dakwah Islam berperanan membebaskan manusia daripada belenggu penganiayaan, kerosakan, penindasan, perpecahan, kemusnahan, penyalahgunaan kuasa dan perkara-perkara yang bertentangan dengan fitrah yang benar. Islam mengetengahkan pembaharuan, berasaskan nilai dan akhlak yang mengangkat kemuliaan insan, meningkatkan taraf kehidupan, memakmurkan alam, mengembalikan hak, bukan sahaja kepada setiap insan, tetapi merangkumi apa sahaja hak yang ada di alam ini, yang tidak boleh dinafikan kerana alam itu sentiasa berinteraksi.

8. Peranan yang dipertanggungjawabkan ke atas Baginda Rasul Sallallahu Alaihi Wassalam adalah sebagai pembawa rahmat bagi seluruh alam berpandukan ayat 107 surah Al-Anbiya' yang bermaksud:

"Dan tiadalah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

9. Rahmat yang bersifat universal, menggambarkan misi Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam, untuk membawa kebaikan, kasih sayang serta belas dan ihsan, tidak hanya kepada manusia, bahkan meliputi setiap makhluk dan seluruh alam semesta ciptaan dan milik Illahi. Ummah sewajibnya meneruskan misi pembawa rahmat yang diasaskan oleh

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam; misi yang telah berjaya menyebarkan rahmat kepada seluruh makhluk di muka bumi, lantas berjaya meninggikan syiar Islam.

10. Perintah Allah Subhanahu Wata'ala untuk melestarikan alam, jelas terkandung menerusi firman Nya dalam Surah Al-A'raf ayat 56:

Bermaksud, "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoaalah kepada Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya Rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya".

11. Islam melarang keras sebarang bentuk pencemaran yang boleh merosakkan alam sekitar. Alam sekitar yang rosak bukan hanya memberi implikasi buruk kepada manusia, bahkan seluruh alam akan merasai kesan yang mengundang bencana dan bahaya. Islam memandang perbuatan mencemarkan alam sehingga merosakkan habitat dan menjejaskan kehidupan makhluk, sebagai perlakuan dosa, dan pelakunya dilaknat. Amatlah tidak bertanggungjawab bagi manusia yang dikurniakan akal oleh Illahi, memilih melakukan kerosakan.

12. Insaflah! Sedarlah! bencana yang semakin merosakkan bumi ini berpunca daripada manusia yang kufur, manusia yang melampaui batas, manusia yang melanggar perintah Illahi, manusia yang melakukan dosa dengan mencabuli hak makhluk lain. Malah setiap insan dan setiap lapisan masyarakat wajib memenuhi tanggungjawab fardu kifayah memastikan setiap usaha pembangunan diseimbangkan dengan pemuliharaan alam sekitar.

13. Dalam dunia yang semakin rencam, ummah diingatkan bahawa mereka masih dipimpin dalam satu wadah Illahi; mengutamakan Al-Quran dan As-Sunnah

sebagai sumber rujukan ketika menjunjung amanah dan menyempurnakan tanggungjawab untuk mengurus alam dan manusia. Prinsip-prinsip kelestarian yang diperkenalkan oleh Islam, tidak lapuk diujani, dan tidak lekang dipanasi, dan hendaklah terus dijadikan panduan untuk memastikan kelestarian alam yang lebih mampan.

14. Semoga permulaan hijrah 1447 menjadi titik tolak keinsafan untuk melakukan perubahan, menghentikan segala kebejatan (*depravity*) yang memusnahkan alam. Bumi ini milik Allah Subhanahu Wata'ala, manusia yang diciptakan Illahi sebagai khalifah di muka bumi ini, wajib menghayati semangat pembawa 'rahmat' dengan amanah dan hikmah seperti yang diperlihatkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam memimpin manusia dan mengurus tadbir alam semesta. Hargai dan syukurilah nikmat anugerah Illahi dengan tidak menderhaka kepada perintah Illahi, dan berhenti melakukan kezaliman terhadap kehidupan alam sejagat, agar kehidupan kita terhindar daripada malapetaka bencana alam, dan manusia dapat hidup dalam kesejahteraan, dipayungi rahmat dan kasih sayang Illahi.

15. Semoga tema 'HIJRAH DAN KELESTARIAN: MENYATUKAN UMMAH MEMULIHARA BUMI' dapat meningkatkan kesedaran ummah terhadap kelestarian alam. Semoga tema tersebut berjaya mengungkap mesej berkesan, menggerakkan penghijrahan ummah untuk melestarikan bumi dan memulihara alam. Semoga ummah yang disedarkan dan ummah yang bersedia melakukan penghijrahan sikap, akan mentafsirkan usaha melestarikan alam dan memulihara bumi sebagai suatu amanah dan kewajipan ibadah yang ditaklifkan oleh Illahi.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



SEHARUM KASTURI ANGKAT WARISAN BUDAYA & EKONOMI TEMPATAN KUALA KURAU



KUALA KURAU, 26 Julai 2025 - Program Seharum Kasturi : Singgahsana Budaya Kuala Kurau 1827 telah menghimpunkan pelbagai elemen sejarah, budaya dan pembangunan ekonomi dalam satu acara yang penuh bererti di Kuala Kurau, Perak.



Mengangkat nilai warisan seperti yang digariskan dalam Akta Benda Purba 1976, program ini dimulakan dengan lawatan bersejarah ke Masjid Batu Kuala Kurau 1884 oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini. Lawatan ini mengangkat sejarah pembinaan Masjid Batu berkonsepkan Ibrahim Saab hasil arahan Maharaj Kadhi pada era silam, sekali gus memperkuat nilai warisan Islam di negeri Perak.



Majlis diteruskan dengan perasmian Kilang Beras Yop Zainan Sdn. Bhd. oleh Yang Dipertua MAIPK. Inisiatif ini dilihat sebagai usaha menyokong pertumbuhan ekonomi setempat melalui pengukuhan sektor pertanian. Antara pengisian menarik program termasuk taklimat sejarah Kuala Kurau dan Perak 1528, pameran Motorhome RV untuk Kerajaan Malaysia, serta pameran berkaitan asas kemerdekaan 1957 oleh Tan Sri Mubin Shepard dari Kuala Kurau (Persatuan Sejarah Malaysia).

Penganjuran program ini memperkuat usaha memartabatkan warisan budaya setempat, selain menjadi platform sinergi antara sejarah, komuniti dan pembangunan ekonomi. Ia sekali gus mencerminkan komitmen pelbagai pihak dalam menyemarakkan nilai sejarah dan jati diri bangsa.





127 BELIA ASNAF TIMBA ILMU DI AKADEMI BINAAN MALAYSIA DENGAN TAJAAN PENUH MAIPK BERJUMLAH RM1.4 JUTA

IPOH, 2 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited dalam usaha memperkasa golongan asnaf menerusi bidang kemahiran yang menjurus kepada peluang pekerjaan dalam industri. Seramai 127 orang belia asnaf telah memulakan langkah pertama dalam mengikuti kursus kemahiran dalam bidang pembinaan melibatkan lima kursus utama iaitu Pengendalian Mobile Crane, Pengendalian Tower Crane, Scaffolding, Steel Structure dan Kemahiran Tenaga Solar. Kesemua peserta menerima tajaan penuh berjumlah RM1.4 juta daripada MAIPK.

Majlis pelepasan peserta telah berlangsung di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan, dan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan ilmu kemahiran sebagai nilai tambah kepada individu dalam membina kerjaya yang cemerlang. Beliau turut menyeru para peserta agar tidak mensia-siakan peluang ini dan menjadikannya sebagai batu loncatan untuk mengubah masa depan keluarga. Tambah beliau, program ini merupakan salah satu inisiatif MAIPK ke arah melahirkan asnaf yang berdikari dan berdaya saing dalam pasaran kerja.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Binaan Malaysia, Mohd Nazri bin Haji Zakaria, Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, dan Ketua Pegawai Pengurusan MAIPK, Bakri bin Lee. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada perubahan hidup belia asnaf dan membuka jalan keluar daripada belenggu kemiskinan melalui bidang kemahiran.





Edisi 4 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



MAIPK SUMBANG 28 UNIT KOMPUTER RIBA KEPADA PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN SMK KAMPONG PASIR PUTEH

MERU, 19 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited menyokong kecemerlangan pendidikan dalam kalangan pelajar asnaf melalui sumbangan kemudahan teknologi pendidikan.

Bertempat di Hotel Casuarina @ Meru, telah berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang SMK Kampong Pasir Puteh, yang turut menyaksikan penyampaian sumbangan sebanyak 28 unit komputer riba bernilai RM49,000 kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan bagi membantu kelangsungan pembelajaran mereka.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Suhaimi bin Yusoff. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MAIPK dalam memperkasa pendidikan anak-anak asnaf serta memastikan mereka tidak tercicir daripada sistem pendidikan akibat kekangan kemudahan asas.



PELAJAR TAJAAN MAIPK TERIMA SIJIL PROGRAM ASASI SAINS PERUBATAN UNIKL (RCMP)



MERU, 25 Julai 2025 - Seramai sembilan pelajar tajaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah diraikan dalam Majlis Penghargaan & Penyampaian Sijil Program Asasi Sains Perubatan Sesi 2024/2025 anjuran Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), yang diadakan di Hotel Casuarina, Meru.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Presiden (Akademik & Teknologi) UniKL, Prof. Dr. Kushsairy bin Abdul Kadir. Turut hadir, Ketua Eksekutif merangkap Ketua Kampus UniKL RCMP, Hisshamuddin bin Omar, serta wakil MAIPK, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff.

Kesemua pelajar ini telah berjaya menamatkan Program Asasi Sains Perubatan selama setahun dengan jumlah keseluruhan tajaan sebanyak RM192,930.00, yang dibiayai sepenuhnya menggunakan dana zakat melalui Skim Bantuan Dermasiswa Profesional Zakat MAIPK.

Inisiatif ini membuktikan komitmen MAIPK dalam memperkasa pendidikan anak-anak asnaf melalui agihan zakat secara strategik, bagi membuka peluang ke arah masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada para pelajar atas pencapaian ini. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk melangkah lebih jauh dalam bidang perubatan, sekali gus menyumbang kembali kepada masyarakat dan ummah.



ZIARAH ASNAF DAERAH MUALLIM

MUALLIM, 8 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu (MAIPK) Cawangan Muallim meneruskan penganjuran Program Ziarah Asnaf di sekitar Daerah Muallim. Program ini bertujuan menelusuri dan mendekati denyut kehidupan insan-insan yang diuji. Bukan sekadar menziarahi, tetapi menyelami derita, memahami keperluan, dan menyantuni mereka dengan penuh hormat serta menyampaikan bantuan secara langsung kepada yang memerlukan.

MAIPK menyantuni lima keluarga asnaf melibatkan penyampaian bantuan modal berjumlah RM7 ribu, bantuan perubatan berjumlah RM34 ribu dan bantuan bina rumah berjumlah RM74.8 ribu. Turut hadir dalam ziarah ini ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar Zon Selatan, Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin, Pengurus Cawangan Muallim, Mohd Rosmini bin Mohd Rosli dan Penghulu Mukim Slim, Mohd Azizul bin Zakaria.

Semoga bantuan ini menjadi pemangkin semangat dan menyuntik semangat baharu kepada mereka dalam menjalani kehidupan yang lebih baik. MAIPK terus komited menggalas amanah ummah mengurus agihan zakat di negeri Perak seterusnya memastikan kebajikan asnaf sentiasa terbela.





MAIPK TERUS PERKASA BELIA ASNAF MELALUI LATIHAN TVET

MANJUNG, 14 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited memperkasa golongan belia asnaf melalui pelaksanaan program latihan kemahiran berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Terbaharu, seramai 40 orang belia asnaf menerima tajaan penuh bagi mengikuti Latihan Kemahiran Transformasi Arka Logam (Kimpalan) di Northwestern Institute of Advanced Technical Skills (NIATs), sebuah pusat latihan bertauliah yang beroperasi di Manjung.

Kos keseluruhan tajaan berjumlah RM388,000.00 ditanggung sepenuhnya melalui dana zakat, sebagai usaha mengubah masa depan golongan asnaf melalui penguasaan kemahiran yang relevan dan berkualiti. Majlis penyerahan disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerikasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Beliau turut menyatakan bahawa inisiatif ini bertujuan membuka laluan kerjaya berpendapatan tinggi kepada belia asnaf, khususnya dalam industri minyak & gas.

Latihan ini dilaksanakan secara modular bertauliah dan akan diakhiri dengan penempatan pekerjaan dalam industri, seterusnya menjamin peluang kerjaya yang lebih stabil dan mampan. Usaha ini selaras dengan hasrat MAIPK untuk membebaskan asnaf daripada belenggu kemiskinan melalui pemerikasaan ekonomi dan pembangunan modal insan.

60 ASNAF KINI BERSEDIA BEKERJA DI INDUSTRI MINYAK & GAS

KEMAMAN, 21 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited memperkasa golongan belia asnaf melalui bidang kemahiran dengan penganjuran Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi 60 peserta pengambilan kedua Program Latihan Kemahiran Minyak & Gas, yang berlangsung di Darul Iman Training Centre (DITC), Kemaman, Terengganu. Para peserta telah berjaya menamatkan latihan intensif dalam tiga bidang utama industri minyak & gas iaitu Rigger Scaffolding TG20, Blasting & Painting dan Gas Pipe Fitting.

Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Pemerikasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Program ini merupakan salah satu inisiatif pemerikasaan ekonomi MAIPK yang menyasarkan pembangunan kemahiran tinggi dalam kalangan asnaf muda. Semua peserta menerima tajaan penuh menerusi dana zakat, dan kini bersedia untuk memulakan penempatan kerja di beberapa lokasi strategik seperti Pasir Gudang (Johor), Paka (Terengganu), dan Lunas (Manjung).

MAIPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pembayar zakat yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan program ini. Wang zakat yang disalurkan bukan sahaja mengubah kehidupan individu, malah memberi impak berpanjangan kepada keluarga dan komuniti.





MAIPK SANTUNI ANGGOTA PASUKAN SIMPANAN PERSEKUTUAN TERLIBAT KEMALANGAN

IPOH, 10-11 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah melaksanakan Program Santunan Anggota Keselamatan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan kepada anggota keselamatan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 13 Mei 2025 lalu di KM25, Jalan Sungai Manik, Teluk Intan, Perak.

Melalui inisiatif ini, MAIPk telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM18,500.00 kepada tujuh orang waris anggota yang terkorban serta sembilan orang anggota yang mengalami kecederaan parah. Diharapkan sumbangan ini dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung selain menjadi penyuntik semangat kepada para penerima untuk terus tabah dan kuat menghadapi ujian.

MAIPk sekali lagi merakamkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga yang terkesan dan mendoakan agar mereka diberikan kekuatan dan ketabahan oleh Allah Subhanahuwataala. Semoga sumbangan ini menjadi simbol kasih sayang dan solidariti masyarakat terhadap para wira negara yang telah banyak berkorban demi keamanan tanah air tercinta.





MAIPK MULAKAN PROJEK RINTIS MESIN DOBI LAYAN DIRI DI MASJID BERHAMPIRAN HOSPITAL



IPOH, 02 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah memulakan gerak kerja awalan bagi melaksanakan projek Mesin Dobi Layan Diri di kawasan masjid yang berhampiran dengan kawasan hospital. Projek Wakaf Mesin Dobi Layan Diri di masjid merupakan suatu inisiatif wakaf yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat awam khususnya kepada pengguna rumah inap, ahli keluarga pesakit dan pelawat hospital.

Masjid Muhibbudin Shah, Ipoh (Masjid Hospital) telah dikenalpasti sebagai lokasi bagi projek rintis tersebut yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Mesyuarat dan sesi pengenalan lokasi sesuai telah diadakan pada pagi ini di masjid berkenaan bagi memperincikan keluasan tapak, konsep dan kaedah pengurusan projek berkenaan. Semoga segala urusan dan perancangan projek ini dipermudahkan serta terlaksana dengan jayanya.

DARI TIRAI BESI KE DAPUR BISNES MAIPK BIMBING BANDUAN WANITA JADI USAHAWAN KULINARI

BATU GAJAH, 25 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus memperkukuh agenda pemerkasaan asnaf dan golongan terpinggir menerusi program latihan keusahawanan kulinari khas buat banduan wanita di Penjara Batu Gajah (Pusat Koreksional).

Dengan peruntukan hampir RM200,000, program ini merangkumi latihan intensif selama 4 bulan serta baik pulih ruang latihan kulinari yang lengkap dengan kelengkapan kursus. Seramai 30 peserta wanita terlibat dalam latihan yang merangkumi kemahiran masakan, pengendalian makanan, pengurusan perniagaan kecil, penjenamaan dan pemasaran digital.

Inisiatif ini turut menekankan aspek pembangunan sahsiah, motivasi diri dan nilai spiritual bagi membentuk jati diri dan keyakinan peserta untuk memulakan kehidupan baharu secara berdikari selepas pembebasan. Program ini merupakan sebahagian daripada pendekatan MAIPK dalam memperluas manfaat zakat kepada kelompok marginal, dengan memberi fokus kepada pembangunan jangka panjang dan peningkatan taraf hidup.

Pihak Jabatan Penjara Malaysia menyambut baik kerjasama ini dan menganggapnya sebagai model latihan pemulihan yang boleh diperluas ke penjara lain di seluruh negara. Usaha ini membuktikan bahawa zakat bukan hanya dalam bentuk bantuan kewangan, tetapi berperanan sebagai pemangkin perubahan sosial menyeluruh, menjadikan bekas banduan sebagai aset yang mampu menyumbang kembali kepada masyarakat dan ekonomi ummah.





Rumah Ronald McDonald

USAHA AWAL BINA RUMAH INAP MUSAFIR, MAIPK LAWAT RUMAH RONALD McDONALD

KUALA LUMPUR, 18 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan lawatan ke Rumah Ronald McDonald (RMHC) di Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur bagi mendapatkan input berkaitan penubuhan, operasi serta konsep pengurusan rumah inap keluarga pesakit khususnya bagi kanak-kanak yang menjalani rawatan di hospital tersebut.

Lawatan ini turut membuka ruang ke arah usaha mewujudkan kerjasama strategik antara MAIPK dan RMHC, seiring dengan hasrat MAIPK untuk membangunkan Rumah Inap Musafir berhampiran hospital bagi kemudahan golongan musafir, ahli keluarga pesakit dan masyarakat umum.

Delegasi MAIPK yang diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Wakaf, Norfazilah binti Bawadi, telah disambut mesra oleh Pengurus Besar RMHC Malaysia, Mohd Nasri Mohd Nordin, serta Pengurus Rumah Ronald McDonald, Hospital Tunku Azizah, Siti Fikriah Wan Ismail. Semoga lawatan ini menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan projek wakaf yang lebih inklusif dan berimpak tinggi demi manfaat ummah.





ANAK IMAM MASJID KAMPUNG KUAK LUAR, PENGKALAN HULU RANGKUL KEPUTUSAN MUMTAZ TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT DI UNIVERSITI ALAZHAR, MESIR

KAHERAH, 21 Julai 2025 - Abu Bakar bin Kasimi, mahasiswa tahun tiga Fakulti Usuluddin (Pengkhususan Aqidah dan Falsafah) Universiti Al-Azhar, Mesir, berjaya mengekalkan keputusan cemerlang Mumtaz untuk tahun ketiga berturut-turut, susulan pengumuman keputusan peperiksaan sesi pengajian 2024/2025 oleh pihak universiti.

Anak kepada seorang pesara guru KAFA yang kini bertugas sebagai imam Masjid Kampung Kuak Luar, Pengkalan Hulu, merupakan penerima tajaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di bawah Skim Dermasiswa Luar Negara. Lebih membanggakan, beliau merupakan satu-satunya pelajar Malaysia yang tersenarai dalam 10 pelajar terbaik daripada kira-kira 300 mahasiswa tahun tiga Fakulti Usuluddin.

Semoga kecemerlangan yang ditunjukkan dapat diteruskan pada tahun akhir pengajiannya bagi sesi 2025/2026, sekali gus menjadi sumber inspirasi kepada para mahasiswa lain, khususnya anak-anak Perak. MAIPk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pembayar zakat Perak Darul Ridzuan atas sokongan dan komitmen berterusan dalam membantu pelajar-pelajar tajaan kami seperti Abu Bakar bin Kasimi dan rakan-rakannya di Mesir.



MAIPk BINA RUMAH BAHARU DI SELINSING



SEMANGGOL, 11 Julai 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Bagan Serai terus komited membantu meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dengan menyediakan kediaman yang selesa dan selamat. Terbaharu, MAIPk membina rumah baharu kepada Asmah binti Ramli, 65 tahun, yang beralamat di Parit 3, Selinsing, Semanggol. Beliau juga merupakan penerima bantuan kewangan bulanan MAIPk.

Penyerahan bantuan ini telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim yang turut meluangkan masa menziarahi dan menyantuni keluarga penerima. Dalam kunjungan tersebut, beliau menyatakan bahawa MAIPk akan terus berusaha memastikan kebajikan golongan asnaf sentiasa terbela dan tidak terpinggir.

MAIPk percaya bahawa kemudahan tempat tinggal yang kondusif merupakan elemen penting dalam memperkasakan kehidupan asnaf, selaras dengan matlamat untuk memperteguh syariat dan melestari adat demi kesejahteraan ummah.





AKTIVITI MAIPK



25 Jun 2025 - Pengurus MAIPk Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria menyantuni dan menyampaikan bantuan berjumlah RM25,362.00 kepada lima penerima asnaf di sekitar Gerik. Antara bantuan yang disalurkan termasuk susu khas, lampin pakai buang, dan peralatan perubatan seperti electric hoist bagi keperluan pesakit strok dan lumpuh.



30 Jun 2025 - Pengurus MAIPk Cawangan Bagan Datuk, Nor Najihah binti Mat Munon menyampaikan bantuan kecemasan kepada Puan Juwariah binti Ulu, satu-satunya mangsa Muslim yang terlibat dalam kejadian kebakaran yang memusnahkan lebih 20 buah rumah di Bagan Pasir Laut, Mukim Rungkup, Bagan Datuk.



1 Julai 2025 - Ketua Pegawai Pengurusan, Bakri bin Lee mengetuai Lawatan MAIPk ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur. Lawatan ini bertujuan melihat pendekatan serta pengurusan yang dilaksanakan oleh Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia dalam usaha MAIPk mewujudkan galeri pada masa hadapan.



Edisi 4 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



AKTIVITI MAIPK



7 Julai 2025 - MAIPK Cawangan Kampung Gajah menyampaikan sumbangan berjumlah RM500.00 kepada mangsa kebakaran iaitu Mohamed Noor bin Salleh, 70 tahun, seorang pesara Felcra dan kakaknya yang merupakan pesara guru di Kampung Kepala Pulau, Pasir Salak.



8 Julai 2025 - Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini menerima kunjungan hormat daripada delegasi Bank Islam Malaysia Berhad dalam usaha mengukuhkan hubungan strategik antara kedua-dua institusi. Delegasi tersebut diketuai oleh Tuan Haji Norman bin Awang, Ketua Hubungan Perniagaan Strategik, Agihan Perbankan Runcit Bank Islam Malaysia Berhad di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



21 Julai 2025 - Pengurus Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi, berkesempatan menyantuni para pengunjung serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan pada Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 5/2025 di Stadium Indera Mulia, Ipoh.



AKTIVITI MAIPK



21-23 Julai 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh memimpin bengkel semakan pencapaian petunjuk prestasi utama pertengahan tahun 2025, di Hotel Saujana, Shah Alam. Bengkel ini bertujuan mengukur prestasi sebenar berbanding sasaran yang telah ditetapkan bagi memastikan hala tuju organisasi sentiasa berada di landasan yang tepat.



25 Julai 2025 - Pengurus Besar MAIPk Zon Selatan, Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin, penyampaian maklumat berkenaan fungsi serta peranan institusi zakat sempena Program Jalinan Insan Wahana Inspirasi (JIWA) @ Komuniti Madani Jalan Pahang anjuran Pejabat Penerangan Daerah Batang Padang di Rumah Pangsa Seri Bidor, Jalan Teluk Intan, Bidor.



25 Julai 2025 - Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini menyampaikan bantuan sebanyak RM19,620.00 kepada tiga penerima di sekitar Kuala Kangsar dalam bentuk peralatan seperti bot dan enjin, mesin rumput, blower dan mesin tebu.



AKTIVITI MAIPK



28 Julai 2025 - Pengurus MAIPK Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria menyantuni dan menyampaikan bantuan berjumlah RM19,304.00 kepada tiga penerima bantuan perubatan bagi keperluan khas seperti susu formula, lampin pakai buang, mesin penyeduk kahak dan kerusi roda khas di sekitar daerah Gerik.



30 Julai 2025 - Ketua Pegawai Pengurusan MAIPK, Bakri bin Lee menerima kunjungan hormat daripada delegasi yang diketuai oleh Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Negeri Perak, Ramadan bin Abdul Karim di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Kunjungan hormat bertujuan memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang dakwah dan pembangunan ummah di Negeri Perak.



31 Julai 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak bagi memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua agensi dalam usaha memperkasakan kebajikan ummah di negeri Perak. Delegasi tersebut diketuai oleh Pengarah JKM Negeri Perak, Nor Tipah binti Majin di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



KERATAN AKHBAR

Komuniti Kita

Hantarkan gambar aktiviti bersama keterangan ke utusannews@mediamulia.com.my

Utusan Malaysia
SABTU 5 JULAI 2025 33



MAIPK taja belia asnaf sertai kursus kemahiran

MAJLIS Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) menaja seramai 127 orang belia asnaf untuk mengikuti kursus kemahiran dalam bidang pembinaan di Akademi Binaan Malaysia.

RM1.4 juta itu membolehkan belia terabit terlibat dalam lima kursus utama iaitu Pengendalian Kren Bergerak, Pengendalian Kren Menara, Perancah, Struktur Besi dan Kemahiran Tenaga Solar.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman Md Salleh berkata, tajaan yang diberikan itu adalah usaha berterusan bertujuan memperkasakan golongan asnaf menerusi bidang kemahiran yang

menjurus kepada peluang pekerjaan dalam industri. Beliau berharap para peserta agar tidak mendedakan peluang yang diberikan dan menjadikannya sebagai batu loncatan untuk mengubah masa depan keluarga.

PARA belia asnaf yang menerima tajaan MAIPK untuk mengikuti kursus kemahiran di Akademi Binaan Malaysia bergambar bersama di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Perak baru-baru ini.

22 K1-KAMPUS



KOSMO/ISHTI 29 JULAI 2025

TVET

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

SERAMAI 60 pelatir dalam kalangan asnaf berjaya menamatkan latihan dalam bidang minyak dan gas (O&G) menerusi penganjuran Program Latihan Kemahiran Asnaf 2025 baru-baru ini.

Majlis tersebut dianjurkan oleh SRC Global Resources Sdn. Bhd. di bawah inisiatif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).

Kesemua pelajar mengikuti tiga kursus berbeza iaitu pemasangan paip, peletupan dan lukisan serta jurutera perancah di SRC Global Resources Sdn. Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norisham Mohd. Ariffin berkata, SRC Global Resources merupakan syarikat latihan terkemuka dan berpengalaman luas serta diklatir dalam sektor minyak dan gas yang dipercayanya jawakan bagi melahirkan golongan mahir dalam bidang tersebut.

Menurutnya, peserta yang merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bukan saja menerima pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), malah diberi peluang untuk ditempatkan bekerja dalam industri minyak dan gas, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

"Kesemua program ini dirancang berdasarkan permintaan sebenar industri dan direka agar selari dengan keperluan majikan, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran peserta sebagai satu tamat latihan."

"Usaha ini bukan sekadar memberi kemahiran semata-mata tetapi lebih jauh lagi membawa misi memperkasakan komuniti asnaf agar mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan, berdaya dan seterusnya mengalami transformasi daripada status penerima zakat kepada pembayar zakat."

"Ia merupakan satu lonjakan paradigma

60 pelatir asnaf Perak tamat latihan O&G

yang signifikan dalam mengangkat taraf belia asnaf dan memecahkan kitaran kemiskinan yang membelenggu generasi demi generasi," katanya.

Norisham berkata demikian ketika berucap pada Majlis Tamat Latihan dan Penyerahan Surat Tawaran Kerja Belia Asnaf Perak Bidang O&G Tahun 2025 di Kemaman, Terengganu baru-baru ini.

Tujuh hadir Pengurus Besar Bahagian Pemelatihan Asnaf, MAIPK, Amirudin Osman.

Tambahnya, sehingga kini lebih 10,000 peserta melibatkan golongan B40 dan belia luar bandar berjaya dilatih syarikatnya

dan ditempatkan dalam pelbagai syarikat minyak dan gas tempatan serta antarabangsa. Komitmen itu merupakan fokus utama SRC Global Resources yang menawarkan program latihan berkonspek 'Place & Train' iaitu pendekatan latihan yang menyeluruh dan berorientasikan penempatan kerja.

Menerusinya, peserta akan jalani latihan teknikal berpaduan kepada keperluan sebenar industri dan teknologi semasa.

"Modul-modul latihan dirancang hasil kerjasama erat antara SRC Global Resources dengan syarikat-syarikat minyak dan gas tempatan serta antarabangsa bagi

memastikan setiap peserta bukan sahaja memperoleh kemahiran, malah turut diberikan peluang penempatan kerja usai tamat latihan."

"Program ini mencerminkan komitmen kami untuk menjadi jambatan antara tenaga kerja belia dan majikan serta memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara melalui peningkatan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan," katanya.

Sementara itu, SRC Global Resources turut merancang langkah lebih progresif pada masa hadapan untuk membuka peluang penempatan pekerjaan di luar negara khususnya kepada peserta yang menunjukkan komitmen tinggi serta kesungguhan membina kerjaya mereka.

Justeru, syarikat itu turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Tiar Ophir yang menandakan permulaan kepada satu kerjasama strategik bertujuan memperkukuh jaringan latihan serta penempatan pekerjaan.

"Inisiatif ini bukan sahaja memperluas peluang pembimbingan kemahiran, malah membuka lebih banyak laluan kepada para peserta untuk menembusi pasaran kerja di peringkat antarabangsa."

"Usaha ini membuka dimensi baharu kepada para peserta untuk mengembangkan potensi diri dan memperoleh kepimpinan yang lebih stabil serta lumeny di peringkat antarabangsa."

"Keseluruhan, program ini bukan saja menjadi medium latihan kemahiran tetapi juga platform perubahan hidup satu pengalaman transformasi sosial yang memberi harapan dan masa depan yang lebih baik buat anak-anak asnaf negeri Perak," katanya.



AMIRUDIN (dua dari kanan) menyerahkan sijil tamat latihan kepada salah seorang pelatir Program Latihan Kemahiran Asnaf 2025.

Dalam Negeri

MAIPK sokong usaha bina, catat nilai sejarah

BAGAN SERAI: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) menyokong usaha melindungi dan mengetengahkan nilai-nilai sejarah negara supaya membawa pulangan kepada masyarakat.

Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Mohd. Annuar Zain berkata, berlaku keadaan di mana masyarakat tidak berminat untuk mencatatkan sejarah.

"Umpamanya apabila saya mula-mula menjadi Pengurus Hospital Universiti Malaysia (UM), saya bertanya adakah kita mempunyai rekod bayi pertama yang dilahirkan di hospital ini."

"Tiada siapa yang boleh menjawab soalan itu. Sebab kita tidak berminat membina dan mencatat sejarah."

"Barang kali bayi pertama yang dilahirkan itu telah menjadi seseorang yang dikenali," katanya kepada Utusan Malaysia semasa menjadi tetamu utama program Singgahsana Budaya Kuala Kurau 1827 di sini, kelmarin.

Mohd. Annuar mengadankan lawatan ke Masjid Batu 1894 iaitu antara masjid warisan tertua di Kuala Kurau dan termasuk Kilang Beras Yop Zainan Sdn. Bhd. yang telah beroperasi sejak 1996, selain meninjau Galeri Singgahsana Budaya Kuala Kurau 1827 yang memamerkan sejarah industri padi serta beras di kawasan itu.

Mohd. Annuar berkata, kurang kesungguhan terhadap sejarah juga dapat dilihat apabila banyak bangunan yang berpotensi sebagai aset bersejarah, begitu mudah diruntuhkan sedangkan sangat diminati oleh pelancong asing.

Beliau mahu perkara itu ditangani melalui sistem pendidikan supaya usaha merekod dan melindungi nilai sejarah dapat dipupuk bermula di peringkat golongan muda, seawal di bangku sekolah.

Katanya, sokongan akan diberikan terhadap segala usaha bagi meningkatkan nilai sejarah termasuk mencadangkan satu ruangan dalam bangunan MAIPK dijadikan sebagai galeri sejarah.



MOHD. Annuar Zain melihat pameran sejarah yang terdapat di Kilang Beras Yop Zainan Sdn. Bhd. di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/KADZIL ZAINOL

Lelaki kudung jalan 40km jual sayur

Oleh MEAT LUTFI MEAT RAHIM

TANJUNG MALIM: Kemahiran hidup sebagai orang kudung (mendak) yang berkecuali, lelaki ini tidak menghiraukan sebarang letihan berbasikal 50 tahanan untuk menjual hasil usahanya.

Malah, Jeffrey Began yang tinggal di kampung di kampung Sungai Bil, Sarawak, menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.



JEFFREY Began berbasikal 40 kilometer untuk menjual hasil usahanya dari Sungai Bil ke Tanjung Malim. - MEAT LUTFI MEAT RAHIM

Lelaki kudung jalan 40km jual sayur

Oleh MEAT LUTFI MEAT RAHIM

SARAWAK: Kemahiran hidup sebagai orang kudung (mendak) yang berkecuali, lelaki ini tidak menghiraukan sebarang letihan berbasikal 50 tahanan untuk menjual hasil usahanya.

Malah, Jeffrey Began yang tinggal di kampung di kampung Sungai Bil, Sarawak, menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.

Beliau juga menjual hasil usahanya kepada penduduk setempat. Beliau menjual sayur-sayuran dan buah-buahan yang diusahakan di kampungnya.



JEFFREY Began berbasikal 40 kilometer untuk menjual hasil usahanya dari Sungai Bil ke Tanjung Malim. - MEAT LUTFI MEAT RAHIM



PROGRAM AGIHAN ZAKAT

PEMERKASAAN INSAN DAN KOLABORASI AGENSI



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Asnaf: Fisabilillah



SUMBANGAN KEPADA INDIVIDU & ORGANISASI ISLAM

Asnaf: Fisabilillah



PEMURNIAN AKIDAH & AKHLAK

Asnaf: Fisabilillah



PENGURUSAN DAN KELENGKAPAN RUMAH ANAK YATIM

Asnaf: Ibnu Sabil

